



The Sarawak Museum Journal

Vol. XL No. 61

December 1989



ISSN: 0375-3050

E-ISSN: 3036-0188

Citation: Salbiah Mohd. Painah. (1989). Ciri-ciri Pendidikan dalam Tradisi Lisan/Budaya Melayu Sarawak. The Sarawak Museum Journal, XL (61): 63-74

CIRI-CIRI PENDIDIKAN DALAM TRADISI LISAN/BUDAYA MELAYU SARAWAK

Salbiah Mohd. Painah

PENDAHULUAN

Bismillahirrahmanirrahim

Hari Raya Sembahyang Raya,
Raja berangkat dari Istana;
Apa daya dengan upaya,
Tiada rotan akar diguna.

Hilang baju kerana tapih,
Hilang jeraya di simpang tiga;
Hilang malu kerana kasih,
Boleh tak boleh dicuba juga

Kalau tuan pergi ke dusun,
Ambilkan saya buah berangan;
Kalau tak kena rangkap disusun,
Lepas seminar dikeji jangan.

Demikian tiga rangkap pantun bagi menggambarkan keikhlasan penulis dalam memberi sumbangan ke arah menjayakan seminar ini, walaupun menyedari akan keterbatasan pengalaman dan kebolehan peribadi. Apa yang akan penulis bentangkan adalah sangat terhad. Ia dikutip daripada pengalaman sendiri dan daripada temubual dengan orang-orang tua yang berumur 60 tahun ke atas yang masih ada di sekitar bandar Kuching ini sahaja. Sokongan dan sumbangan daripada para peserta sangat diharapkan bagi melengkapkan lagi kertas yang pendek dan serba kekurangan ini. Oleh kerana penulis seorang pendidik, maka minat pembicaraan kertas ini tertumpu kepada pendidikan yang diturunkan secara berterusan daripada moyang ke cicit oleh pendidikan tidak formal dalam masyarakat Melayu, iaitu kerana pendidikan ini dibuat secara lisan dan tidak pernah dituliskan, maka jadilah ia satu tradisi lisan orang Melayu Sarawak.

CIRI-CIRI PENDIDIKAN DALAM TRADISI LISAN/BUDAYA MELAYU SARAWAK

oleh

Salbiah Mohd. Painah

PENDAHULUAN

Bismillahirrahmanirrahim

Hari Raya Sembahyang Raya,
Raja berangkat dari Istana;
Apa daya dengan upaya,
Tiada rotan akar diguna.

Hilang baju kerana tapih,
Hilang jeraya di simpang tiga;
Hilang malu kerana kasih,
Boleh tak boleh dicuba juga

Kalau tuan pergi ke dusun,
Ambilkan saya buah berangan;
Kalau tak kena rangkap disusun,
Lepas seminar dikeji jangan.

Demikian tiga rangkap pantun bagi menggambarkan keikhlasan penulis dalam memberi sumbangan ke arah menjayakan seminar ini, walaupun menyedari akan keterbatasan pengalaman dan kebolehan peribadi. Apa yang akan penulis bentangkan adalah sangat terhad. Ia dikutip daripada pengalaman sendiri dan daripada temubual dengan orang-orang tua yang berumur 60 tahun ke atas yang masih ada di sekitar bandar Kuching ini sahaja. Sokongan dan sumbangan daripada para peserta sangat diharapkan bagi melengkapkan lagi kertas yang pendek dan serba kekurangan ini. Oleh kerana penulis seorang pendidik, maka minat pembicaraan kertas ini tertumpu kepada pendidikan yang diturunkan secara berterusan daripada moyang ke cicit oleh pendidikan tidak formal dalam masyarakat Melayu, iaitu kerana pendidikan ini dibuat secara lisan dan tidak pernah dituliskan, maka jadilah ia satu tradisi lisan orang Melayu Sarawak.

Memang sudah menjadi sifat semula jadi orang Melayu pada zaman dahulu agaknya, suka menggunakan sindir ibarat, kiasan, pantang larang, pantun seloka, gurindam dan jampi serapah dalam menyampaikan konsep pendidikan asas kepada anak-anak mereka. Oleh kerana sifat malu dan sifat amat perasa mereka untuk berterus-terang atau mengajar secara terbuka,

maka pendidikan akhlak yang berteraskan ajaran Islam sering diselit dalam satu-satu tahapan pendidikan yang tidak formal itu. Sebagai contoh, walau apa jua cara dan gaya bunyi sebutannya, anak-anak orang Melayu sudah pandai membaca surah Al-Fatihah sebaik saja mereka pandai bercakap.

PANTUN/NYANYIAN KANAK-KANAK/BAYI

Sejak anak-anak masih kecil lagi (bayi) mereka sudah didedahkan kepada berbagai-bagai pantun/nyanyian, baik semasa mereka hendak tidur mahupun semasa bergurau senda (bermain-main). Misalnya seseorang ibu akan mendodoi anaknya perlahan-lahan dengan pantun seperti:

Kalau nak gugur, gugurlah nangka,
Jangan menimpa si dahan pauh;
Kalau nak tidur, tidurlah nyawa,
Jangan mengenang orang yang jauh.

atau kadang-kadang bayi itu akan didodoi dengan selawat dan zikir sehingga tidur. Biasanya bayi itu ditidurkan di dalam *uyut*, dibuat dengan menggantung kain batik atau pelikat dengan seutas tali. Di dalam kain yang dialas dengan sebiji bantal kecil inilah bayi yang sedang tidur itu diletakkan, dan di bawah *uyut* (buai) itu diletakkan sebilah kacip. Kononnya, kacip besi itu boleh menghalang hantu syaitan yang cuba mengganggu bayi itu. Pendidikan yang tidak formal ini berkembang mengikut perkembangan jasmani kanak-kanak itu. Dalam lingkungan umur 1-5 tahun, anak-anak itu sudah boleh diajak bergurau. Seseorang ibu/bapa bila menjulang anak itu akan menyanyi:

Timang tinggi-tinggi, sampai cucur atap;
Belum tumbuh gigi, sudah pandai baca kitab.

Atau anak-anak diajak bertepuk tangan sambil menyanyi:

Pok amai-amai, belalang kupu-kupu;
Tepuk biar pandai, malam upah susu.
Susu lemak manis, santan kelapa muda,
Anak (nama) jangan nangis, emak buat kerja.

Ada kalanya bayi itu diajar menggerakkan jari dengan membuka dan menutup tangannya sambil menyanyi:

Kap kap udang, udang tangkap lepas;
Dengar bunyi orang, lari pantas-pantas.

atau diajar menggerak-gerakkan kepala dengan nyanyian:

Geleng-geleng sapi, berbulu telinganya;
Di mana keling tambu, di hulu pasar Cina.

atau anak-anak diajar menyambut kepulauan bapanya dengan penuh kasih mesra sambil menyanyi dan bertepuk tangan:

Aduh-aduh bapa datang,
Bawa buah pisang,
Makan (nama) seorang,
Sik meri orang,
Tepuk teluk lang.